

### **LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN**

Nationgate Technology (M) Sdn. Bhd (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Butterworth atas dua pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan menghalang apa-apa meter atau alat sedemikian rupa daripada merekodkan dengan sepenuhnya keluaran atau penggunahabisan elektrik. Pada tarikh 7 Februari 2022, OKS telah mengaku bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan dan Mahkamah Sesyen Butterworth telah menjatuhkan hukuman denda RM5,000.00 bagi setiap pertuduhan.